



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	4/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	KeTSA/ JPSM		

Shahidan lancar kempen tanam sejuta pokok di Labuan Sinar, 4 Okt 2021_13

LABUAN - Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim pada Ahad menanam pokok bakau minyak (rhizophora apiculata) di Pantai Nagalang sebagai simbol pelancaran 'Kempen Tanam Sejuta Pokok 2021-2025' di Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, menerusi program berkenaan yang bertemakan 'Menghijaukan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita', ia berdasarkan konsep hutan bandar dan pembungaan bandar dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyasarkan menanam 500,000 pokok, Perbadanan Putrajaya 400,000 pokok dan Perbadanan Labuan 100,000 pokok.



Shahidan melawat kebun fertigasi di Kampung Patau-Patau Satu selepas merasmikan kempen penanaman sejuta pokok di Labuan pada Ahad.

Shahidan berkata, Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah me-

luluskan peruntukan RM250,000 di bawah Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK) untuk inisiatif memajukan hutan bakau dan kehidupan marin

kawasan hutan bakau.

Bagi peringkat awal pelaksanaan inisiatif itu di Labuan, ia akan memfokuskan penanaman 9,250 pokok bakau di enam lokasi iaitu Pantai Nelayan Kampung Tanjung Aru; Pantai Kampung Tanjung Aru/Kerupang; Pusat Ekopelancongan Paya Bakau Kinabenuwa; Sungai Kampung Gersik; muara sungai di Kampung Ganggarak dan Taman Botani Labuan.

"Hari ini 100 pokok bakau akan ditanam di Pantai Nagalang/Kerupang dan akan direkodkan dalam pelaksanaan menghijaukan Malaysia," katanya ketika berucap melancarkan kempen itu di sini pada Ahad. - *Bernama*